

Baju bodo: Akulturasi budaya Islam, warisan Bugis

PAKAIAN merupakan perkara asas dalam kehidupan masyarakat bertamadun di dunia. Selain menutupi bahagian badan, pakaian juga menjadi identiti sesebuah masyarakat yang diubah suai mengikut kesesuaian cara hidup terutama bagi penganut agama Islam. Antara pakaian alam Melayu yang mengalami sedikit perubahan seiring dengan kehendak agama ialah pakaian tradisional wanita masyarakat Bugis yang dikenali sebagai baju bodo (baju pendek).

Secara tradisinya, baju bodo merupakan sejenis baju yang amat ringkas. Potongannya yang lurus tanpa lengan dan berbentuk segi empat tanpa memerlukan sambungan bahagian lengan dan dipadankan dengan kain sarung tenun atau songket. Kain yang digunakan untuk membuat baju ialah sejenis kain berwarna yang nipis dikenali sebagai kain muslin atau kasa. Baju bodo mempunyai sifat yang pendek paras punggung, nipis, jarang dan longgar. Ia digunakan oleh kaum wanita masyarakat Bugis di Sulawesi Selatan.

Kain muslin atau kasa yang digunakan

kesenian islam

Oleh **ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA**
rosmahwati@ukm.edu.my

dalam pembuatan baju bodo dikatakan ditunen oleh masyarakat tempatan di Sulawesi. Ia kemudian diwarnakan dengan sumber alam seperti kunyit, temulawak, akar pohon mengkudu, daun kemummu, mayang kelapa dan jerami padi yang menghasilkan warna-warna semula jadi bagi kain. Warna yang digunakan ini bukan sekadar warna malah ia menjadi simbolik kedudukan strata sosial kaum wanita masyarakat Bugis yang memakainya.

Dalam masyarakat tradisional Bugis, baju bodo warna kuning gading dan jingga melambangkan golongan muda dan pelbagai tona merah bagi golongan anak dara dan wanita yang telah berkahwin. Warna putih bagi golongan dayang atau



BAJU bodo tradisional berbaju hijau yang melambangkan status kebangsawanan dalam masyarakat Bugis.

dukun dan hijau pula bagi golongan bangsawan manakala warna ungu adalah bagi wanita yang telah bercerai ataupun kehilangan suami.

Selepas abad ke-17 Masihi kedudukan Islam semakin kukuh di Makassar dan disebutkan bahawa perubahan terhadap rekaan baju bodo dilakukan perlahan-lahan walaupun mendapat tentangan daripada pendokong adat. Baju bodo yang telah diubah suai diberi nama baju labbo. Rekaannya lebih mengikut kehendak dan ajaran Islam di mana ia panjang sehingga paras atas lutut, berlengan panjang dan tidak jarang. Namun begitu, sehingga awal abad ke-20 baju bodo tradisional masih direkodkan penggunaannya dalam kalangan keluarga bangsawan.

Pada hari ini, proses Islamisasi baju labbo lebih ketara di mana ia banyak digunakan oleh kaum wanita di Makassar dalam majlis rasmi seperti majlis perkahwinan dan sambutan yang khusus. Sedikit olahan dari segi bahan tekstilnya seperti satin dan sutera serta penambahan bahagian lengan yang panjang atau dengan penggunaan baju panjang di sebelah dalam menjadikan penggayaan baju bodo lebih menarik.

Tiada lagi pengkhususan warna seperti dalam masyarakat tradisional dan potongan badannya juga lebih fleksibel dan tidak berbentuk segi empat. Hiasan

BAJU BODO (BAJU PENDEK)

(Pakaian tradisional wanita masyarakat Bugis)

- Menggunakan kain nipis dikenali kain muslin atau kasa
- Diwarnakan dengan sumber alam seperti kunyit, temulawak, akar pohon mengkudu, mayang kelapa dan jerami padi
- Warna kuning gading dan jingga - golongan muda
- Tona merah - golongan anak dara dan wanita berkahwin.
- Warna putih - dayang atau dukun
- Warna hijau - golongan bangsawan
- Warna ungu - wanita bercerai atau kehilangan suami.
- Baju bodo diubah suai dikenali dengan baju labbo (selepas abad ke-17)
- Rekaan lebih mematuhi kehendak Islam, panjang sehingga lutut, berlengan panjang dan tidak jarang.
- Tiada lagi pengkhususan warna khusus bagi pemakainya.
- Contoh akulturasi budaya tempatan dan ajaran Islam yang diadun secara unik - tidak dibuang tetapi dikekalkan bersesuaian dengan ajaran Islam.



REKAAN baju bodo dan baju labbo dalam pelbagai potongan moden yang digayakan oleh ahli panitia Fakulti Pengajian Ilmu dan Budaya, Universiti Hasanuddin, Makassar, Sulawesi, Indonesia.

sulaman manik dan batu permata hiasan di bahagian dada menjadi pengganti kepada penggunaan kalung di bahagian dada.

Baju bodo merupakan satu contoh akulturasi budaya tempatan dan ajaran Islam yang diadun secara unik oleh masyarakat Islam Bugis yang tinggal di alam Melayu sama ada di Sulawesi mahupun di Malaysia. Mereka tidak membuang pakaian tradisional dan menggantikannya dengan pakaian yang bukan dari wilayah mereka tetapi merubah rekaan dengan kreativiti yang dikurniakan oleh Allah SWT bagi menyesuaikan pakaian dengan tuntutan ajaran Islam yang mereka junjung. Inilah keunikan kesenian Islam di alam Melayu. Kenali dan hargai warisan kesenian Islam alam Melayu.